



PANDUAN PENERBITAN

PEMINDAHAN TESIS KE BUKU

PENERBIT UniMAP
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
<https://penerbit.unimap.edu.my>

PENGENALAN

Tesis merupakan kajian ilmiah atau disertasi yang ditulis dengan tujuan untuk melayakkan seseorang memperoleh ijazah. Penulisan tesis lebih berbentuk laporan tentang penyelidikan yang dijalankan. Namun, kajian yang baik sebegini tidak dapat disalurkan kepada masyarakat kerana khalayak tesis lebih kepada ahli akademik di universiti. Bagi tujuan penerbitan, tesis perlu diubah kepada bentuk buku agar bahasa dan kaedah penyampaian bahan menjadi lebih mudah difahami dan tidak terlalu terikat dengan ciri-ciri akademik. Tujuan tesis adalah untuk menunjukkan keupayaan pengarang merumuskan persoalan dan masalah, menjalankan kajian untuk menyelesaikannya dan menulis hasil kajian. Sebaliknya, tujuan buku adalah untuk menyampaikan atau menyalurkan idea. Tesis memenuhi keperluan akademik, manakala buku memenuhi keperluan untuk berbicara secara umum. Khalayak tesis lebih kecil daripada sesebuah jawatankuasa, sedangkan khalayak buku menjangkau ribuan pembaca yang tidak dikenali oleh pengarang.

Tesis yang boleh dipertimbangkan untuk diterbitkan dalam bentuk buku dan monograf adalah seperti yang berikut:

- i) Tesis sarjana atau kedoktoran yang telah diluluskan, tesis yang mendapat kelulusan cemerlang dan dicadangkan oleh pemeriksa supaya diterbitkan.
- ii) Tesis yang ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diterima, namun penulisan tesis dalam bahasa Melayu adalah digalakkan.
- iii) Kandungan karya tesis itu adalah penemuan baharu dan asli yang belum pernah diterbitkan.
- iv) Persoalan kajian tesis itu boleh diperluaskan skop agar menarik pembaca yang lebih ramai dan pelbagai. Ini juga bermakna subjek buku yang akan diterbitkan itu tidak terhad.
- v) Tesis yang dipertimbangkan untuk terbitan perlu melalui proses rombakan dan ubah suai penulisan.
- vi) Tesis yang menggunakan bahasa yang baik dan gramatis.

PERBEZAAN BUKU DAN TESIS

NO.	BUKU	TESIS
1.	Penulisan buku lebih berbentuk menyampaikan, menerangkan, menjelaskan atau menyalurkan sesuatu idea dan maklumat.	Penulisan tesis lebih berbentuk laporan tentang penyelidikan yang dijalankan.

2.	Bahasa dan kaedah penyampaian lebih mudah difahami dan tidak terlalu terikat dengan ciri-ciri akademik.	Bahasa dan kaedah penyampaian terikat dan lebih bersifat akademik mengandungi dapatan kajian, hipotesis dan metodologi.
3.	Ditulis untuk menyebarkan ilmu, kepakaran, maklumat dan panduan kepada khalayak umum.	Ditulis untuk lulus peperiksaan dan melayakkan calon memperoleh sarjana dan doktor falsafah.
4.	Judul buku biasanya menarik, tepat, jelas, ringkas dan padat.	Judul tesis biasanya agak panjang dan bersifat kajian.
5.	Sasaran Pembaca: buku dibaca ramai orang dan sebahagian besar bukan pakar dalam bidang tersebut.	Sasaran Pembaca: terhad kepada penyelia pemeriksa luar, pelajar dan jawatankuasa yang meluluskan calon.
6.	Struktur: bebas.	Struktur: terikat kepada gaya dan format penulisan ditetapkan oleh universiti.
7.	Penulis: dianggap pakar selepas graduasi; ada autoriti/kewibawaan dalam penulisan, suara didengari.	Penulis: pelajar yang sifatnya amatur dalam bidang pengajian dan penulisan.
8.	Ditulis dalam pelbagai genre (umum, ilmiah, kreatif, bukan fiksiyen dan sebagainya) untuk pelbagai peringkat pembaca.	Ditulis kepada pengkhususan bidang dan kajian berfokus.

TANGGUNGJAWAB PENULIS/PENGARANG

1. Membuat rombakan, pemilihan, pengguguran, penyusunan, semula bab, perenggan dan ayat.
2. Memohon izin terbit daripada universiti (surat).
3. Membuat permohonan penerbitan buku kepada Penerbit.

TANGGUNGJAWAB PENERBIT

1. Menguruskan permohonan dan proses penerbitan.
2. Membangunkan rangka penulisan/rombakan tesis bersama pengarang.

PROSES PENGUBAHSUAIAN/ROMBAKAN

Perbezaan antara tesis dengan buku adalah dari segi tujuan, khalayak, pengarang, skop, gaya dan dokumentasi. Proses pengubahsuaian daripada tesis kepada buku hendaklah mematuhi bahagian anatomi buku, iaitu mengandungi **BAHAGIAN AWALAN**, **BAHAGIAN TEKS** dan **BAHAGIAN AKHIRAN** serta termasuk **JUDUL KULIT** dan **BLURB**. Judul tesis biasanya agak panjang dan bersifat kajian, manakala judul buku pula biasanya menarik, tepat, jelas, ringkas dan padat.

BLURB adalah keterangan ringkas penerbit/penulis tentang isi sesebuah buku pada jaket bagi buku kulit keras atau pada kulit belakang buku kulit lembut. Keterangan tersebut boleh mengandungi isi kandungan buku, keistimewaan buku berkenaan, biodata ringkas penulis seperti kelulusan tertinggi, pengalaman/hasil penulisan yang sudah diterbitkan dan kejayaan penulis dalam bidangnya (anugerah). Selain itu, boleh juga dimasukkan petikan kata-kata tokoh/pengulas tentang buku berkenaan sebagai sokongan untuk tujuan promosi dan gambar penulis (jika perlu).

PROSES MEROMBAK BAHAGIAN AWALAN

NO.	BAHAGIAN TESIS	PERUBAHAN
1.	Judul (<i>Title Page</i>)	Diubah menjadi lebih difahami oleh khalayak umum. (Kata kunci dikekalkan). Boleh guna frasa: penilaian tentang..., satu kajian... satu analisis. Jumlah perkataan antara 7-11 patah perkataan.
2.	Halaman Perakuan/Kebenaran	Digugurkan.
3.	Penghargaan	Dikekalkan.
4.	Asbtrak	Digugurkan. Maklumat dalam abstrak boleh digunakan sebagai sinopsis, blurb buku dan prakata.
5.	Senarai (Jadual, Carta, Graf, Gambar, Rajah dll.)	Dikekalkan tetapi dikurangkan dan diminimumkan. Mungkin ada rajah yang perlu dibuang atau digabungkan dan diringkaskan.
6.	Senarai Singkatan	Dikekalkan/dikurangkan sedikit berdasarkan penggunaan.

7. Senarai Kandungan Dikekalkan dan mengikut gaya buku yang lebih ringkas dan mudah. (boleh tanpa penomboran pada sub judul dan bab).
-

PROSES MEROMBAK BAHAGIAN AKHIRAN

NO.	BAHAGIAN TESIS	PERUBAHAN
1.	Senarai Rujukan/Bibliografi	Dikekalkan berdasarkan penggunaan dan penguguran bab. Nota kaki digugurkan dan diganti dengan nota hujung.
2.	Lampiran/Apendiks	Digugurkan sekiranya tidak perlu.
3.	Glosari	Dikekalkan jika perlu.

PROSES PEMINDAHAN TESIS KE BUKU

1. Kenal pasti kesesuaian tesis dan tajuk.
2. Kenal pasti dan memahami konsep penulisan buku.
3. Proses penguguran/merombak bab yang tidak perlu - Data/dapatan kajian/analisis/hipotesis/penyataan masalah/*literature review*.
4. Merangka bab buku/menggabungkan bab dan penulisan.
5. Menulis semula dan menyesuaikan penulisan - laras bahasa/penyusunan bab.
6. Penyediaan manuskrip lengkap.
7. Baca pruf (Penulis).
8. Hantar permohonan kepada Penerbit UniMAP.

KAEDAH PEMINDAHAN TESIS KE BUKU

1. **MEMENDEKKAN KARYA** - Ada bab atau bahagian yang dibuang, ada bab atau bahagian yang diringkaskan. Kurangkan contoh yang kerap berlebihan/pengulangan dalam sesebuah tesis.
2. **PENYUNTINGAN** - Penulis perlu menyusun semula bab, perenggan dan ayat.
3. Mempermudah bahasa, istilah dan ayat dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami.

4. Tidak semua yang ditulis dalam tesis perlu dimasukkan ke dalam buku. Adalah lebih baik jika sesuatu analisis atau dapatan kajian yang sukar difahami diringkaskan dalam bentuk grafik atau jadual.
5. **BAB KETERANGAN KANDUNGAN TESIS** ialah struktur tesis yang menerangkan kandungan bab demi bab tesis berkenaan. Bab ini diperlukan dalam sesebuah disertasi, tetapi tidak untuk sebuah buku. Bab ini boleh dibuang atau diringkaskan sahaja.
6. **BAB ULASAN** kerap dibina dalam sesebuah tesis seperti membaca dan mengupas perkembangan idea, pandangan, pemikiran, teori dan sebagainya tentang bidang subjek tesis yang ditulis. Bab ini boleh ditiadakan langsung atau diringkaskan dalam **BAB PENGENALAN** bersama-sama dengan penulisan kajian, pernyataan masalah, hipotesis dan keterangan ringkas tentang kandungan tesis.
7. Dokumentasi yang banyak bagi membuat pembuktian dalam bentuk rujukan catatan kaki dan catatan hujung yang panjang memang sesuai bagi sesebuah tesis. Apabila diterbitkan sebagai buku, dokumentasi dalam bentuk rujukan dan catatan yang berjela-jela hendaklah dikurangkan.
8. Digalakkan rujukan bagi buku adalah terkini atau lima tahun terakhir.
9. Data atau hasil analisis yang dipersembahkan dalam bentuk grafik atau jadual tidak boleh dimasukkan secara terus ke dalam buku. Ia perlu diubah atau dirombak. Sekiranya dalam tesis grafik tersebut dalam bentuk grafik linear maka dalam buku boleh diubah menjadi grafik bar atau jadual.
10. Mengurangkan penggunaan sistem penomboran dalam pernyataan sebab, kesan, konsep, proses kerja dan sebagainya. Pernyataan hendaklah ditulis dalam bentuk perenggan.

Contoh:

Aplikasi am bagi sistem elektro-pneumatik adalah seperti:

- a) pembungkusan
- b) penyusunan
- c) pemeteran
- d) pemilihan komponen

Ditulis:

Aplikasi am bagi sistem elektro-pneumatik adalah seperti pembungkusan, penyusunan, pemeteran dan pemilihan komponen.

PENYEDIAAN MANUSKRIP BUKU

Pembinaan Judul Buku

- a) Ringkas
- b) 7-11 patah perkataan
- c) Boleh guna frasa; Penilaian tentang..., Satu kajian... Satu analisis
- d) Tajuk yang mudah difahami khalayak umum/menarik perhatian pembaca

BAHAGIAN AWALAN/PRELIM

- a) **HALAMAN JUDUL SEPARA** - Disediakan oleh Penulis.
- b) **HALAMAN JUDUL PENUH** - Disediakan oleh Penulis.
- c) **HALAMAN HAK CIPTA** - Disediakan oleh Penerbit.
- d) **HALAMAN KANDUNGAN** - Disediakan oleh Penulis.
- e) **HALAMAN DEDIKASI** - (Jika ada) - Disediakan oleh Penulis. Bahagian ini boleh dimasukkan jika perlu. Penulis boleh mendedikasikan dengan menunjukkan sesuatu kepada seseorang atau sesuatu sebagai tanda penghormatan atau kasih sayang. Jumlah kepanjangan paling minima dua halaman.
- f) **HALAMAN PENGHARGAAN** - (Jika ada) - Penulis memberi pengiktirafan kepada seseorang berdasarkan sumbangan atau perkhidmatannya. Dalam konteks ini pengiktirafan di tempat kerja adalah penghargaan terhadap sumbangan atau perkhidmatan pekerja. Jumlah kepanjangan paling minima dua halaman.
- g) **HALAMAN KATA PENGANTAR** - (Jika ada) - Penulis boleh mendapatkan pakar-pakar, tokoh dalam bidang yang diperkatakan dalam buku untuk memberikan ulasan serta penulisan analisis yang mendalam tentang hal-hal dan isu utama yang dibicarakan dalam buku. Jumlah kepanjangan paling minima dua halaman.
- h) **HALAMAN PRAKATA** - Disediakan oleh Penulis. Bahagian ini menjelaskan tentang latar belakang proses penulisan buku, objektif permasalahan dan ruang lingkup yang diberi tumpuan oleh buku ini. Penulis boleh membuat ucapan dan memberi *highlight* kandungan utama. Tiada halaman abstrak dalam buku. Boleh diserapkan dalam halaman prakata atau blurb.
- i) **PENGENALAN** - Bab pengenalan dalam buku memuatkan maklumat tentang bagaimana penulis mempersembahkan kandungan buku berkenaan. Bab ini membentangkan kandungan buku berkenaan. Bab ini membentangkan latar belakang kajian, mungkin juga cerita yang membawa penulis tergerak atau membuat keputusan untuk mengkaji persoalan kajian atau membentuk hipotesis kajian.

BAHAGIAN TEKS/ISI

Bahagian ini terdiri daripada pengenalan isi dan penutup. Bahagian teks hendaklah diberi bilangan muka surat (folio) menggunakan nombor seperti 1,2,3,4,5 dan seterusnya.

- a) **ISI** - Bab-bab isi disusun mengikut kaedah kronologi, urutan, sebab dan akibat, Memuatkan bab-bab yang bertautan antara satu sama lain.
- b) **PENUTUP** - Bab penutup buku biasanya mengandungi kesimpulan keseluruhan bab buku. Mungkin kesimpulan tentang hasil kajian terhadap persoalan kajian dalam disertasi yang kini menjadi tesis disertasi berkenaan. Walau bagaimanapun, pengarang boleh memberikan tajuk bab tertentu, seperti bab dalam isi sebagai menggantikan bab penutup atau kesimpulan.

BAHAGIAN AKHIRAN

Bahagian Akhiran merupakan bahan yang menjadikan rujukan kepada pembaca untuk memahami teks dengan lebih mendalam.

- a) **BIOGRAFI PENULIS** - (jika ada)
- b) **LAMPIRAN** - (jika ada) - Maklumat tambahan yang penting untuk membantu pembaca memahami teks yang dibaca. Bergantung kepada keperluan dan lampiran tersebut mestilah menyokong teks.
- c) **GLOSARI** - (jika ada) - Perkataan, ungkapan dan istilah yang terdapat dalam teks dan perlu diberi huraian lanjut untuk membantu pemahaman pembaca. Disusun mengikut abjad.
- d) **BIBLIOGRAFI** - (perlu ada) - Senarai bahan yang dirujuk oleh penulis dalam menyediakan buku tersebut. Disusun mengikut abjad.
- e) **INDEKS** - (perlu ada) - Senarai perkara dan nama yang dibincangkan dalam buku. Terdapat dua jenis indeks, iaitu indeks perkara dan indeks nama. Indeks disusun mengikut kumpulan entri nama, perkara, peristiwa, konsep dan lain-lain. Disediakan oleh Penulis.

PEMBINAAN DAN PENYEDIAAN MANUSKRIP

1. Penulis dikehendaki boleh menyerahkan salinan manuskrip akhir dalam bentuk digital atau *softcopy*.
2. Manuskrip hendaklah ditaip dengan kemas, bersih dan selaras dengan menggunakan *template* yang disediakan.

3. Sesebuah manuskrip ditakrifkan sebagai lengkap apabila ia memenuhi syarat untuk diterbitkan sebagai sebuah buku. Pada umumnya sesebuah buku mengandungi tiga bahagian utama yang terdiri daripada Bahagian Awalan, Bahagian Teks dan Bahagian Akhiran. Oleh itu, Penulis hendaklah memastikan manuskrip yang disediakan mengandungi ketiga-tiga bahagian berkenaan.
4. Gaya rujukan adalah bergantung kepada bidang atau kandungan manuskrip yang dihasilkan. Pengarang boleh menggunakan gaya rujukan IEEE, CBE, MLA dan lain-lain dengan memastikan rujukan tersebut lengkap dan selaras. Pengarang/Penulis juga digalakkan mengikut dan menerima pakai Gaya Dewan, *American Psychological Association*(APA) dan *Chicago Manual of Style* dalam penyediaan manuskrip seperti penggunaan huruf besar, huruf condong, tanda bacaan, sistem penomboran akronim, ejaan dan tatabahasa.
5. Penulis manuskrip sains dan kejuruteraan perlu memberi perhatian yang mendalam kepada aspek keseragaman dalam penggunaan istilah, unit ukuran, dimensi, simbol, rumus matematik, tanda-tanda teknikal dan lain-lain. Penggunaan aspek di atas hendaklah mengikut piawai *Gaya Dewan*.
6. Reka letak teks sebaik-baiknya hendaklah diberikan perhatian di peringkat mula penyediaan manuskrip menurut peringkat-peringkat di bawah:

TAJUK BAB - boleh dibuat dalam huruf besar, atau huruf besar dan huruf kecil, dan diletakkan sama ada di tengah-tengah, santak ke kiri atau ke kanan menggunakan saiz taip yang sesuai. Pecahan tajuk kepada subtajuk boleh dibuat tetapi pecahan lebih daripada (5) subtajuk tidak digalakkan. Pecahan subtajuk boleh dibuat dengan menggunakan panduan status pecahan seperti berikut:

- a. **Subtajuk Pertama**
TERDIRI DARIPADA HURUF BESAR DAN BOLD;
- b. **Subtajuk Kedua**
Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil, dan Bold;
- c. **Subtajuk Ketiga**
Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil, Bold dan Italik;
- d. **Subtajuk Keempat**
TERDIRI DARIPADA HURUF BESAR DAN MEDIUM;
- e. **Subtajuk Kelima**
Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil Dan Italik;

PERMOHONAN PENERBITAN

Bagi memastikan proses penerbitan dapat ditangani secara lancar, penulis atau bakal penulis dinasihatkan supaya menjadikan garis panduan ini sebagai bahan rujukan sepanjang menguruskan kerja-kerja penulisan atau penyediaan manuskrip (disebut juga taip skrip)

Setiap permohonan menerbitkan buku penyelidikan boleh dibuat dengan menghantar manuskrip yang telah disiapkan. Penulis yang berminat untuk menghasilkan penulisan karya disarankan supaya menghantar permohonan kepada Penerbit UniMAP dengan mengemukakan permohonan dengan mengisi ***Borang Pemohonan Penerbitan Buku***.

PENYERAHAN MANUSKRIP

1. Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UniMAP, hendaklah merupakan cetusan idea terakhir penulis dan BUKANNYA suatu draf yang akan diubah kemudiannya.
2. Semua ilustrasi seperti fotografi, gambar rajah, carta, graf, peta, dan sebagainya hendaklah diserahkan dalam bentuk yang berkualiti. Mana-mana ilustrasi, fotografi, gambar rajah, carta dan sebagainya yang mempunyai dan dilindungi hak cipta, penulis atau pengarang perlu mendapatkan keizinan daripada pemilik asal. Penerbit UniMAP dan Universiti tidak bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran atau tuntutan berkaitan hak cipta.
3. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan boleh diajukan terus kepada:

**BAHAGIAN EDITORIAL
PENERBIT UniMAP
Universiti Malaysia Perlis
No 11 & 13, Jalan Tiga,
Pusat Perniagaan Pengkalan Jaya,
01000 Kangar, Perlis.**

E-mel: zamimi@unimap.edu.my
fatinnadia@unimap.edu.my